

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(GOMBAK)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 26.03.2015**

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [ GOMBAK ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pelan tindakan 1MDB untuk membayar jumlah hutang yang dianggar berjumlah RM39 bilion.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 1MDB pada 18 Februari 2015 telah menjelaskan hala tuju syarikat ketika mengumumkan selesai menjalankan kajian strategik atau *strategic review* ke atas aktiviti syarikat.

2. Di antara perkara penting yang diumumkan oleh 1MDB ialah 1MDB

tidak akan menjalankan sebarang pelaburan atau projek baharu dan telah menyusun strategi yang jelas untuk setiap sektor perniagaannya supaya terus maju dan mampan.

3. 1MDB telah memberikan jaminan bahawa syarikat akan memastikan setiap entitinya berada dalam posisi yang baik untuk membayar hutang-hutang dan *infrastructure obligations*. Kesemua hutang 1MDB disokong oleh aset-aset dan aliran tunai yang kukuh dengan jumlah keseluruhan asetnya dengan selesa melebihi jumlah hutang.

4. 1MDB akan melaksanakan strategi ini dalam jangka masa 12 bulan yang akan datang, dan telah memberi komitmen untuk mengumumkan tindakan-tindakan yang diambil oleh syarikat dari semasa ke semasa.

5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menubuhkan satu *task force* untuk meneliti hala tuju secara keseluruhan termasuk memastikan daya maju syarikat, meningkatkan kedudukan kewangan serta memastikan pembayaran balik hutang.